

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	13 June 2015

Ahli perlu utama kepentingan parti

Sinar Harian - 13/6/2015

KUALA LUMPUR - Tun Abdullah Ahmad Badawi meminta ahli Umno mengutamakan kepentingan parti demi kelangsungan masa depan parti berkenaan.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, setiap ahli Umno tidak seharusnya bertindak keterlaluan berhubung sesuatu isu sehingga beri kesan negatif kepada hala tuju parti itu.

“Macam-macam pandangan masing-masing dalam keadaan berlaku hari ini. Yang penting kita sendiri mesti teguh pendirian dalam (memilih) apa yang baik.

“...kerana akhirnya kita yang hendak tentukan parti, takkan hendak tinggalkan (lakukan sesuatu kepada) parti sehingga membawa sesuatu yang tidak baik,” katanya kepada pemberita selepas melancar-

kan enam buku baharu terbitan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di institut berkenaan, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kemelut melibatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika ini.

Abdullah berkata, ahli Umno sewajarnya tahu membezakan urusan parti dengan isu lain bagi mengekalkan perpaduan di kalangan ahli parti itu, sama ada di peringkat pimpinan tertinggi mahupun akar umbi.

“Saya tidak keliru (krisis yang berlaku melibatkan Najib dan Dr Mahathir) dan saya tetap faham tentang Umno,” katanya.

-Bernama